



Mazwan (empat dari kanan) bersama wakil UKM selepas lawatan di lapang sasaran di universiti itu baru-baru ini.

## Lapang sasaran memanah di UKM

**BANGI** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Ramal, Mazwan Johar menjalin bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi mewujudkan lapang sasaran memanah di pusat pengajian tinggi itu.

Mazwan berkata, sukan memanah kini popular di DUN itu.

“Sukan ini juga menarik perhatian saya kerana rakyat suka dan dalam masa yang sama ianya perkara yang bagus dan baik,” katanya di laman sosialnya semalam.

Mazwan yang juga pena-

ung Akademi Memanah AR Razzaq (Akma) berkata, beliau berusaha memainkan peranan membantu kelab itu walaupun sukar mendapatkan tapak yang sesuai.

Beliau berkata, UKM mempunyai lapang sasaran menembak senjata api namun tidak lagi digunakan untuk aktiviti itu atas nasihat pihak polis kerana tidak memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan.

“Pihak pengurusan UKM menyambut baik hasrat saya malah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Ir Datuk Dr Othman A Karim

sudi mengiringi saya melawat tapak lapang sasaran itu,” katanya.

Beliau berkata, hasil lawatan tersebut menunjukkan persefahaman dan kerjasama untuk menjadikan lapang sasaran itu sebagai lokasi latihan sukan memanah di samping beberapa aktiviti lasak yang lain.

“Saya berbesar hati dengan kerjasama dan layanan serta penerimaan yang sangat baik dan positif yang diberikan oleh pihak UKM daripada awal saya menjadi ADUN Sungai Ramal,” katanya.